

Isma Ismail, Zatul Ifah
Zolkipli dan Zaid Salim
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Air dari perparitan yang tidak dapat mengalir ke laut disebabkan hujan lebat dan pada masa sama, berlaku air pasang menyebabkan berlakunya limpahan hingga beberapa kawasan penempatan penduduk serta jalan dinaiki air.

Keadaan itu berlaku di beberapa kawasan di seluruh negeri terutamanya di sekitar bandar raya ini pada waktu pagi yang berlanjutan hingga ke tengah hari semalam.

Air naik mendadak menyebabkan ramai yang memviralkan gambar dan video di laman sosial mengenai kejadian itu hingga mencetuskan kebimbangan dalam kalangan orang ramai kerana bimbang banjir besar seperti berlaku pada 2009 berulang.

Timbalan Pengarah Operasi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Mejar (PA) Amirsarafudin Zalman yang juga Setiausaha Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana negeri berkata, keadaan yang berlaku itu tidak seperti yang digambarkan di laman sosial.

Menurutnya, terdapat gambar yang viral di laman sosial dirakam menggunakan teknik fotografi hingga menyebabkan sesetengah daripadanya dilihat seperti paras air di kawasan berkenaan tinggi sedangkan ia hanya paras betis.

Katanya, keadaan itu menyebabkan orang ramai cemas kerana menjangkakan banjir besar melanda, tambahan pula hujan lebat berterusan di beberapa kawasan sejak tengah malam semalam.

"Pihak kami akui memang beberapa kawasan dinaiki air tetapi orang ramai yang tidak mendapat maklumat tepat daripada pihak berkaitan menyebabkan situasi cemas itu berlaku.

"Kejadian itu berlaku kerana pertembungan air pasang dan hujan lebat menyebabkan limpahan air dan kemuncaknya antara jam 9.30 pagi hingga jam 10 pagi tadi (semalam)," katanya.

Menurutnya, keadaan itu juga menyebabkan dua laluan di Jalan Batu Buruk, Kuala Terengganu dan Jalan Seriting-Merchang, Marang, ditutup kepada kenderaan ringan sejak jam 10 pagi.

"Berdasarkan maklumat Jabatan Meteorologi, beberapa kawasan di Terengganu dilanda hujan lebat sejak malam tadi (kelmarin) hingga lewat petang ini (semalam), tetapi berdasarkan perkembangan semasa didapati kawasan yang dinaiki air pagi tadi sudah mula surut.

"Kami juga sudah membuka Pusat Pengurusan Bencana Negeri di Wisma Darul Iman bagi mengumpul maklumat mengenai keadaan yang berlaku bagi memudahkan sebarang maklumat

VIRAL BIKIN CEMAS

■ Penduduk bimbang kejadian banjir besar 2009 berulang selepas gambar dikongsi di laman sosial



MANGSA banjir mengemas barangan miliknya yang dapat diselamatkan.

FAKTA

Jalan terjejas, Jalan Sultan Omar, Jalan Kamaruddin dan Jalan Pantai Batu Burok

dimaklumkan kepada orang ramai," katanya. Sementara itu,

Pengarah APM negeri Leftenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman berkata, limpahan air yang berlaku semalam berikutan banyak kawasan mempunyai masalah perparitan.

"Saya difahamkan, kerajaan negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sudah mengarahkan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk meninjau sistem perparitan di kawasan yang mengalami masalah.

"APM juga akan turut membuat rondaan di kawasan yang dilaporkan berlaku limpahan air terutama di sekitar bandar raya, Kuala Nerus dan Marang bagi memastikan bantuan awal dapat diberikan segera sekiranya keadaan bertambah buruk," katanya.

Menurutnya, orang ramai tidak perlu berasa bimbang dan cemas tetapi sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga serta peka dengan setiap arahan yang dikeluarkan

pihak berkuasa.

Tinjauan Harian Metro semalam mendapati hujan lebat sejak awal pagi menyebabkan beberapa jalan utama di sekitar bandar raya itu ditenggelami air sehingga 0.3 meter.

Antara jalan yang terjejas ialah Jalan Sultan Omar, Jalan Kamaruddin berhadapan Hospital Pakar Kuala Terengganu dan Jalan Pantai Batu Burok. Selain itu, beberapa buah

kampung dan taman perumahan turut digenangi air antaranya Kampung Tok Nasek, Losong, Taman Dahlia, Taman Alamanda dan Jalan Tekukur. Di Dungun pula, jalan terjejas

ialah di Durian Mentangau dan Jalan Paka ke Al-Muktafi Billah Shah, manakala laluan terjejas di Kemaman membabitkan kawasan di Kijal berhampiran kawasan perniagaan lemang.

Peniaga turut terkesan



PENIAGA di Jalan Pantai Batu Buruk lengang berikutan hujan lebat malam kelmarin.

Kuala Terengganu: Hujan lebat sejak pagi semalam bukan hanya menyebabkan beberapa kawasan di negeri ini dinaiki air, malah turut memberi kesan kepada peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan tumpuan ramai.

Tinjauan Harian Metro di Pantai Batu Buruk mendapati kawasan rekreasi berkenaan yang biasanya dipenuhi peniaga menjual pelbagai jenis makanan dan minuman lengang.

Kebanyakan peniaga tidak membuka perniagaan disebabkan hujan lebat berterusan sejak awal pagi, sekali gus menyukarkan mereka untuk menjalankan perniagaan.

Laluan di belakang Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) berhampiran Hotel Primula turut dinaiki air dan satu papan peringatan diletakkan di kawasan itu bagi mengingatkan pengguna supaya berhati-hati.

Bagaimanapun, keadaan di kawasan Pantai Batu Buruk masih terkawal dan terdapat beberapa pengunjung didapati berada di kawasan pantai walaupun ombak lebih tinggi berbanding biasa.

Peniaga, Ahmad Azlan Ahmad, 36, yang mengusahakan perniagaan nasi bajet berkata, kebiasaannya dia memulakan perniagaan pada jam 10 pagi tetapi hujan sejak awal pagi menyebabkan dia hanya memulakan perniagaan pada jam 1 tengah hari.

"Hari ini (semalam), saya berniaga lewat kerana hujan tetapi saya dan isteri tetap berniaga kerana makanan semua sudah siap sebab ingatkan hujan ini sekejap saja.

"Walaupun perniagaan hari ini agak perlahan kerana keadaan cuaca yang tidak menentu, ini adalah cabaran yang perlu dihadapi peniaga seperti kami," katanya.



PENDUDUK, Ishak Akib mengangkat almari yang ditenggelami air berikutan hujan lebat di Taman Sri Intan 2, Jalan Sultan Omar.



ORANG ramai terpaksa mengharungi air di Jalan Pantai Batu Buruk.



PENDUDUK melihat air memasuki rumah.



AIR mencecah paras betis.